

# Pembentangan disifat sarat dengan ingatan

UM 3 1 OCT 2003

**K**UALA LUMPUR 30 Okt. — Pembentangan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini disifatkan oleh banyak pihak sebagai sarat dengan ingatan bagi memastikan Malaysia terus maju dan aman pada masa depan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, segala pelan dan program RMK-8 yang dikemaskini itu memperlihatkan perancangan teliti supaya segala kemudahan asas dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

“Saya menyokong penuh segala perancangan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri itu agar kesemuanya dapat dilaksanakan mengikut jadual bagi pembangunan negara dan rakyat,” katanya.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid berkata, Dr. Mahathir

terus memberikan tumpuan kepada usaha-usaha membasmi kemiskinan dan pembangunan rakyat di pedalaman.

“Antara langkah baru yang diambil ialah merumuskan kajian bagi menaikkan taraf hidup masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak,” ujarnya.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hisammuddin Tun Hussein berkata, aspek toleransi dan kesederhanaan yang ditekankan oleh Perdana Menteri wajar dipertahankan kerana ia adalah kunci kepada kejayaan negara.

“Selaku wakil pemimpin muda, apa yang telah dibincang dan digubal akan diteruskan. Kita juga akan sentiasa bersandar pada nasihat supaya bersatu, saling hormat menghormati dan mengutamakan pertimbangan yang lebih luas daripada kepentingan politik sempit,” katanya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas berkata, antara isu utama yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri ialah ekuiti ekonomi antara kaum masih tidak seimbang.

“Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama untuk mencapai keseimbangan yang lebih adil,” katanya.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, Dr. Mahathir turut menyentuh isu bagi meningkatkan ekonomi bumiputera serta kepentingan bagi mereka untuk memiliki daya saing bagi menjamin kemajuan.

“Dr. Mahathir telah memberi amaran bahawa golongan bumiputera akan kehilangan keistimewaan untuk mendapat peluang tender dengan bantuan kerajaan apabila wujudnya persaingan terbuka kerana mereka perlu mempunyai keupayaan untuk bersaing,” katanya.